

**Soalan No:26**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]

**TARIKH :** 22.3.2016

**SOALAN :**

Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada beliau bersetuju dengan penilaian Bank Dunia bahawa tahap pendidikan di Malaysia lebih merisaukan berbanding dengan hutang isi rumah. Apakah tindakan Kerajaan untuk membaik pulih sistem pendidikan di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari hakikat pencapaian murid Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa merupakan salah satu daripada indikator kepada kualiti pendidikan negara ini, KPM telah mengambil langkah tegas untuk memperbaiki sistem pendidikan dengan mengadakan penilaian semula terhadap sistem pendidikan negara. Hasilnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilancarkan bagi memastikan standard serta kualiti pendidikan negara dapat ditingkatkan setanding dengan sistem pendidikan negara maju. Kementerian telah mengenal pasti 5 aspirasi sistem yang mampu mentransformasikan sistem pendidikan sedia ada iaitu kualiti, ekuiti, akses, perpaduan dan

kecekapan sistem penyampaian bagi mencapai hasrat 6 aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional selaras dengan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh hanya tiga tahun pelaksanaan PPPM, sistem pendidikan negara telah berjaya menunjukkan perubahan positif, berdasarkan kepada akses kepada pendidikan yang semakin meningkat. Jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar juga dapat dikecilkkan.

Selain itu, pengenalan pembelajaran abad ke-21 di sekolah-sekolah yang memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), penilaian berdasarkan sekolah, pemantapan penguasaan bahasa Inggeris serta perkukuhan kemahiran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah usaha yang berterusan yang dilakukan oleh pihak Kementerian ke arah melonjakkan kualiti pendidikan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 27**

**Dato' Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah perlaksanaan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) dilaksanakan dan adakah ianya juga melibatkan saman oleh Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Mata Demerit atau KEJARA telah mula dilaksanakan pada tahun 1984 bagi melahirkan pemandu-pemandu yang berhemah dan mengamalkan budaya ‘safety-first’ sebagai langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya. Kementerian Pengangkutan buat masa ini sedang dalam proses menambahbaik Sistem Mata Demerit mengambilkira maklumbalas yang diterima daripada ahli akademik, agensi-agensi berkepentingan dan aktivis keselamatan jalan raya.

Antara penambahbaikan yang dicadangkan di bawah pelaksanaan baharu sistem Mata Demerit ini adalah melibatkan pemberian mata yang akan dikenakan sekiranya sesuatu saman diselesaikan melalui pembayaran kompaun atau hukuman yang ditentukan oleh Mahkamah. Selain itu, sebagai langkah untuk mendidik pengguna jalan raya, amaran akan diberikan pada peringkat awal kepada pemegang lesen memandu yang mengumpul 20 mata kali pertama. Penambahbaikan pelaksanaan baharu sistem Mata Demerit ini akan melibatkan implikasi perundangan yang sedang diperhalusi oleh pihak-pihak berkenaan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kesalahan melibatkan memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi peraturan lampu isyarat adalah termasuk dalam senarai kesalahan Mata Demerit. Dalam hubungan ini, kesalahan-kesalahan tersebut yang dirakam melalui kamera sama ada melalui sistem AES atau sistem Trafik COPS PDRM akan dikenakan mata apabila Orang Kena Saman menyelesaikan pembayaran kompaun atau dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.